



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 5 OGOS 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	BANYAK FAKTOR HALANG SSL PADI LEPASI 70 PERATUS, BH -ONLINE AGRICULTURE MINISTRY AND FOOD INDUSTRIES IN FINAL NEGOTIATIONS WITH BERNAS, SAYS MINISTER, MALAY MAIL -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	HASIL LAUT NELAYAN PD BERKURANGAN, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	KERAJAAN NEGERI BERUSAHA SELESAIKAN ISU LESEN NELAYAN PANTAI, SINAR NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -28	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	MAQIS KEDAH RAMPAS 300KG BUAH LIMAU, SINAR NEGERI P.PINANG/KEDAH, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7.	LIHAT PRESTASI BERNAS SEBELUM PERJANJIAN BAHARU, BH -ONLINE BERNAS TO REMAIN 'SOLE GATEKEEPER' FOR COUNTRY'S RICE SUPPLY, SAYS MINISTER, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
8. 9. 10. 11. 12.	UPM TEMUI GULA TREHALULOZA DALAM MADU KELULUT, NEGARA, KOSMO -13 NASIB NELAYAN MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN, APA KESUDAHAN?, HM -ONLINE 300 NELAYAN BIMBANG MASA DEPAN, LOKAL, HM -21 PANTAI DI MELAKA MAKIN MENGECIL, DALAM NEGERI, UM -29 NELAYAN BIMBANG KESAN HAKISAN GUGAT KESELAMATAN, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Banyak faktor halang SSL padi melepasi 70 peratus



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi tumpuan khusus ke arah meningkatkan tahap sara diri (SSL) padi ke tahap lebih tinggi melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata SSL negara ketika ini adalah pada kadar 70 peratus yang mana banyak faktor menyumbang kepada pengeluaran rendah itu, antaranya kepelbagaian padi, kesesuaian tanah dan pembajaan.

"Kita hanya mampu mengeluarkan permintaan penggunaan sebanyak 70 peratus manakala baki 30 peratus diimport bagi beras.

"Memang banyak tumpuan diberi kerajaan untuk meningkatkan SSL padi kepada lebih 70 peratus sama ada 75 peratus atau lebih tinggi.

"Kerajaan akan menumpukan usaha meningkatkan pengeluaran beras dan padi negara," katanya dalam sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Salim Sharif (BN-Jempol) yang ingin tahu sama ada pihak Kementerian akan memperkenalkan teknologi baharu dalam memastikan sasaran 90 peratus SSL bagi padi dapat dicapai.

Kiandee berkata, kerajaan melaksanakan tiga pendekatan utama melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi memastikan tahap keselamatan makanan terjamin dalam suasana COVID-19 menerusi peruntukan RM350 juta di bawah Agro Bank.



"Peruntukan RM40 juta turut diberi untuk Program Mobiliti Tenaga Kerja Dalam Sektor Agromakanan dan RM10 juta melalui pelaksanaan Program Pertanian Bandar (PPB)," katanya.

Beliau berkata, kementerian merancang memodenkan agromakanan dari sudut sumber manusia serta teknologi dan automasi, antaranya menambah baik modul dan model pembelajaran pertanian pintar untuk melahirkan golongan belia tani masa depan melalui Latihan Flagship Program Agropreneur Muda.

Kiandee berkata, kementerian turut menyediakan program latihan jangka pendek dan panjang untuk melahirkan pekerja mahir dan usahawan pertanian melalui penggunaan teknologi terkini bagi mereka yang

berusia 18 hingga 40 tahun.

"Pengintegrasian teknologi pertanian moden seperti penggunaan robot, penderia, pertanian tepat, dron, pembangunan data pertanian, aplikasi berasaskan Internet of Things (IOT) dan model kilang tanaman juga dilaksanakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

## Agriculture Ministry and Food Industries in final negotiations with Bernas, says minister



Datuk Seri Ronald Kiandee speaks during a press conference in Parliament April 11, 2019. — Picture by Miera Zulyana

KUALA LUMPUR, Aug 4 — The Ministry of Agriculture and Food Industries together with the Public Private Partnership Unit (UKAS) is in final stage of negotiations to determine the terms and conditions for a new agreement with Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Its minister Datuk Seri Ronald Kiandee said Bernas' concession will end next January (2021).

He said there were six issues which the government will consider in finalising the new agreement, including Bernas' performance, and assessing its key performance indicators (KPI).

"Secondly, to review the legal aspects, including other agreements which Bernas had signed with the government. Thirdly, to review the implications on cost and the government's capabilities as a high investment cost is needed to manage the padi and rice industry.

"Fourth, to review the effectiveness of the 'single gatekeeper' policy; fifth, to ensure a more effective implementation of social obligation, including increasing the national rice stockpile for national food security; and sixth, creating an body to oversee the implementation of Bernas' social obligation," he said when winding-up the debate on the motion of thanks for the Yang di-Pertuan Agong's royal address at the Dewan Rakyat sitting here today.

Kiandee said the sole importer policy was introduced in 1973 to ensure national food security after the price of rice was affected when importers refused to import rice into the country as they were afraid of incurring losses.

"Because of this, Malaysia faced a crisis of shortage of rice. Ever since the sole rice importer policy was implemented, till today, the country has not faced a crisis of rice shortage," he said.

Meanwhile, on the issue of dependence on food import, he said there were many food items such as fish, chicken and vegetables which had achieved almost 100 per cent self-dependency.

He said Malaysia was only importing a few food items such as meat, chili, cabbage as well as various temperate climate vegetables and fruits which were economical to plant here for domestic consumption.

"The country also has to import various items such as flour, chicken parts, and coconut for the food industry to produce products based on agro-food.

"Some of these products will be re-exported, and this reduces the gap in the national trade balance. So, the perception that the country is too dependent on food exports is not correct," he said. — Bernama

# Hasil laut nelayan PD berkurangan

Oleh **AFIFI HAFIZ MOHD. NOR**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**PORT DICKSON:** Peraih ikan di Port Dickson berhadapan masalah kekurangan bekalan ekoran cuaca tidak menentu kebelakangan ini.

Kedadaan itu menyebabkan kebanyakan nelayan tidak turun ke laut sekali gus mengakibatkan hasil laut juga berkurangan.

Tujuan *Utusan Malaysia* di Pasar Nelayan Kampung Telok, Pasir Panjang di sini mendapati pembeli dan peraih ikan terpaksa menanti lama sebelum hasil laut tiba di pasar itu.

Menurut peraih ikan, Moha-

mad Naun Yusof, 51, sudah menjadi kebiasaan stok ikan yang sampai, terus diambil pembeli.

Katanya, ada pembeli menunggu beberapa jam untuk mendapatkan hasil laut.

"Malam tadi hujan, jadi hari ni (semalam) tak banyak hasil," katanya ketika ditemui di sini.

Walaupun bekalan berkurangan, dia mendakwa harga ikan masih seperti biasa, terkawal dan tidak meningkat.

Sementara itu, seorang pembeli Zakaria Wahab, 63 berkata, dia menunggu di pasar itu sejak awal pagi untuk mendapatkan hasil laut segar.

"Tadi ada nelayan hantar ke-

tam itu pun tak banyak. Kami pun bahagi-bahagi nanti kasihan ada yang tunggu lebih lama," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, pihaknya telah mengambil beberapa tindakan drastik bagi membantu nelayan di Port Dickson yang berdepan masalah itu.

"Antaranya kami akan masang tukun tiruan di perairan Tanjung Tuan dengan peruntukan sebanyak RM250,000.

"Tahun ini juga kami akan meletak tukun di luar kawasan larangan bagi memastikan nelayan boleh menangkap ikan di kawasan itu," katanya.



**ORANG ramai berebut mendapatkan hasil laut daripada peraih di Pasar Nelayan Kampung Telok, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan semalam. - UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	28

## Kerajaan negeri berusaha selesaikan isu lesen nelayan pantai

**KUALA TERENGGANU** - Kerajaan Terengganu sedang berusaha untuk menyelesaikan isu lesen nelayan pantai (Zon A) atau nelayan sampan yang membelenggu sebahagian nelayan di negeri sejak sekian lama.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, bagi tujuan itu, satu pasukan 'task force' ditubuhkan bersama Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan persatuan-persatuan nelayan kawasan di negeri ini.

Menurutnya, antara tanggungjawab pasukan itu adalah membuat pemutihan dengan mengenal pasti nelayan tulen yang aktif.

"Buat masa ini, terdapat kira-kira 800 lesen nelayan pantai yang dalam proses pertimbangan untuk diselesaikan. Sebenarnya isu lesen ini sudah lama membelenggu nelayan sejak berpuluh tahun dahulu. Ada antaranya menjadi nelayan sejak dari muda hingga tua tapi



Terdapat kira-kira 800 lesen nelayan pantai yang dalam proses pertimbangan untuk diselesaikan kerajaan Terengganu.



**AZMAN**

masih belum ada lesen.

"Sebab itu kita buat pemutihan agar hanya nelayan tulen yang mendapat lesen berkenaan," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan negeri mahu memastikan hanya nelayan tulen atau sepenuh masa mendapat manfaat berkenaan dan bukannya mereka yang

turun ke laut hanya untuk separuh masa.

"Setelah kita kumpulkan data dan buat tapisan dan mendapati sekitar 800 lebih nelayan sampan yang belum mempunyai lesen. Kita telah serahkan senarai ini kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Secara dasarnya, mereka bersetuju untuk memberi kelulusan dan dengan kelulusan ini, isu lesen yang membelenggu sejak berpuluh tahun dahulu akan diselesaikan," katanya.

Dr Azman berkata, antara isu menyebabkan nelayan pantai sukar untuk mendapatkan lesen ialah sumber perikanan yang berkurangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI P.PINANG/ KEDAH	26



Anggota penguat kuasa Maqis memeriksa buah limau yang cuba dibawa masuk tanpa dokumen sah di Bukit Kayu Hitam baru-baru ini.

## Maqis Kedah rampas 300kg buah limau

**BUKIT KAYU HITAM** - Sebanyak 300 kilogram buah limau dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah di Kompleks Kastam, Imigrasi, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini baru-baru ini.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind berkata, pegawai penguat kuasa Maqis melakukan pemeriksaan rutin ke atas sebuah lori di kompleks berkenaan sebelum mendapati keluaran pertanian itu cuba dibawa masuk tanpa dokumen yang sah seperti permit import dikeluarkan Maqis dan sijil fitosanitasi dari negara asal.

“Sehubungan itu, Maqis Kedah menggagalkan cubaan membawa masuk keluaran pertanian dianggarkan bernilai RM3,000 dari Thailand tanpa permit import.

“Kesemua buah limau tersebut dirampas untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Lily berkata, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Lihat prestasi BERNAS sebelum perjanjian baharu



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menilai prestasi Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dalam melaksanakan konsesi termasuk penilaian berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) sebelum memuktamadkan perjanjian baharu bersama syarikat itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata faktor itu termasuk dalam beberapa perkara yang akan diberi pertimbangan sewajarnya sebelum membuat keputusan.

"Kementerian bersama Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS) dalam proses rundingan memuktamadkan terma dan syarat perjanjian baharu selepas konsesi BERNAS yang berakhir Januari 2021," katanya pada sesi penggulungan perbahasan usul menjunjung kasih titah diraja bagi

kementerianya di Dewan Rakyat, hari ini.

Selain menilai prestasi BERNAS, Kiang berkata, kementerian akan turut mengkaji aspek perundangan termasuk perjanjian lain antara syarikat itu dengan kerajaan.

Katanya, kajian implikasi kos dan keupayaan kerajaan akan diambil kira memandangkan kos pelaburan tinggi diperlukan dalam menguruskan industri padi dan beras.

"Kita akan mengkaji keberkesanan dasar 'single gate keeper', memastikan pelaksanaan tanggungjawab sosial yang lebih berkesan termasuk menambah jumlah simpanan beras bagi keselamatan makanan negara.

"Kementerian juga akan mewujudkan satu badan penilai bagi memantau pelaksanaan tanggungjawab sosial BERNAS," katanya.

Kiang berkata, dasar pengimport tunggal beras dilaksanakan pada 1973, negara tidak pernah menghadapi krisis bekalan beras.

Susulan krisis harga beras pada 1973, katanya, pengimport enggan membawa masuk beras ke negara ini kerana bimbang menanggung kerugian, sekali gus menyebabkan Malaysia menghadapi krisis bekalan kritikal.

"Namun sejak dasar pengimport tunggal beras dilaksanakan, negara tidak pernah menghadapi krisis bekalan beras negara sehingga sekarang," katanya.

Sementara itu, Kiang berkata, isu kekurangan stok makanan di kedai dan pasar raya ketika awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berpunca daripada masalah pengedaran rantaian pengeluaran hingga ke peringkat peruncit, bukannya kekurangan pengeluaran bahan makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

## Bernas to remain 'sole gatekeeper' for country's rice supply, says minister



Bernas will ensure that there is food security in the wake of the Covid-19 pandemic, the government says.

KUALA LUMPUR: The government has decided to allow Padiberas Nasional Bhd (Bernas) to remain as the sole gatekeeper in managing the country's rice supply, Agriculture and Food Industry Minister Ronald Kiang said.

He told the Dewan Rakyat today that discussions were ongoing on the terms and the number of years the contract to be extended.

"At this point, it is to ensure food security in Malaysia. As we all know, the Covid-19 pandemic will affect the global food chain," he said.

Kiang said the government was reviewing the terms and conditions with Bernas, which include the social obligation to look after the farmers and other rice production matters.

Earlier, Saifuddin Nasution (PH-Kulim Bandar Baharu) had asked about the Bernas contract which expires in December, adding that a new tender process would have to be held within five months.

He said the contract should be opened to other companies so that the price of padi would remain competitive.

In 2011, the federal government extended Bernas' mandate to manage rice supply in the country for 10 years.

Four years earlier, the agreement had been extended until Jan 11, 2016. However, in 2008, rising rice prices on the international market drove Bernas into the red.

It is believed that the terms of the new agreement will take into account fluctuations in international rice prices.

Earlier, Kiang said the agriculture sector employed about 140,000 foreign workers or 7.3% of the total number of workers with work permits in Malaysia.

He said the number of foreign workers in this sector was small compared with those in other sectors.

He added that efforts were being made to attract youths to take up jobs in the agriculture sector.



## UPM temui gula trehalulosa dalam madu kelulut

**SERDANG** - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menemui gula trehalulosa dalam madu kelulut yang sinonim dengan perubahan tradisional bagi pesakit diabetes.

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Dr. Northasnidha Zawawi berkata, lima spesies lebah dituji, masing-masing dua daripada Malaysia dan Australia selain satu dari Brazil.

"Kami mendapati terdapat 13 sehingga 44 gram gula trehalulosa dalam semua madu tersebut.

"Madu kelulut yang dikaji dari Malaysia iaitu spesies *G. thoiraca* mempunyai kandungan trehalulosa paling tinggi iaitu 84 peratus daripada berat madu," katanya di sini semalam.

Penyelidikan turut dijalankan Prof. Madya Dr. Mary Fletcher daripada Universiti Queensland, Australia serta ahli kumpulan penyelidik lain makmal Perikatan

Queensland.

Menurut Northasnidha, trehalulose adalah gula dengan indeks glikemik rendah, iaitu pada nilai 32 sahaja dan tidak ditemui sebagai komponen utama dalam makanan lain.

Katanya, gula trehalulosa mempunyai kemanisan sehingga 70 peratus berbanding gula sukrosa, malah jika dimakan dengan kuantiti tertentu, ia boleh mencegah penyakit diabetes.

"Sebelum ini, secara tradisional, masyarakat di Malaysia telah menggunakan madu ini untuk pesakit diabetes tetapi daripada segi sains kita belum dapat membuktikan dengan jelas faktor itu.

"Apabila trehalulosa masuk ke sistem penghadaman, ia akan diserap dalam darah secara perlahan dan tidak akan menaikkan glukosa darah seperti gula biasa.

Katanya, gula trehalulosa juga bersifat akartogenik, oleh itu ia tidak akan merosakkan gigi.



DR. Northasnidha (Kiri) dan pelajar, Murul Ahma Farhanah Mat Ramkan melihat dari dekat sarang lebah kelulut di UPM. Serdang baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/8/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## Nasib nelayan Melaka dan Negeri Sembilan, apa kesudahan?



yang lain.

NELAYAN di negeri Melaka dan Negeri Sembilan merayu nasib mereka diberi perhatian oleh kerajaan dan syarikat pemaju projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion di Kuala Linggi.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB), Mazelan Bakar berkata, kira-kira 300 nelayan yang memiliki lesen menangkap ikan bimbang terhadap masa depan mereka.

"Projek itu menimbulkan kesan langsung kepada nelayan berikutan pasir laut dikorek untuk ditambak menjadi pulau seluas 620 ekar (kira-kira 248 hektar). Ini sekaligus akan mengganggu habitat ikan dan hidupan marin

"Kami tidak boleh menghalang kemajuan kerana ia dilaksanakan untuk pembangunan ekonomi, rakyat dan negara tetapi kami meminta nasib kami diberikan perhatian oleh kerajaan dan syarikat pemaju projek," katanya tadi.

Menurutnya, projek pembangunan di di perairan Kuala Linggi bakal memberi kesan terhadap nelayan di perairan Melaka Barat, perairan Melaka Selatan dan Teluk Kemang di Negeri Sembilan yang bersempadan dengan Kuala Linggi.

Beliau menjelaskan, PNKMB amat berbesar hati jika dipanggil kerajaan negeri untuk berbincang bagi mengatasi masalah itu.

Setakat ini, kerajaan negeri dan pemaju belum pernah mengadakan pertemuan membabitkan ketiga-tiga pihak bagi mencari kaedah terbaik memelihara kepentingan nelayan.

Khamis lalu, Mazelan dan Pengerusi Persatuan Nelayan Melaka (PNM), Othman Ahmad serta Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan (PNNS), Abu Bakar Dawam memaklumkan bakal menyerahkan memorandum kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kerajaan Melaka dan Kementerian Pengangkutan serta beberapa pemimpin politik tempatan bagi menyatakan kebimbangan mereka berhubung projek berkenaan.

Pengarah Urusan KLIP, Datuk Seri Noor Mustafa Yahya dilaporkan berkata, projek itu akan dimulakan pada suku pertama tahun hadapan dan mengambil lima hingga lapan tahun bagi menambak laut seluas kira-kira 248 hektar sebelum dimajukan dengan pelbagai kemudahan berkaitan pelabuhan yang memberikan perkhidmatan kepada kapal antarabangsa.

Katanya, kerja menambak laut akan dilaksanakan, selain membina tangki simpanan cecair, limbungan pembaikan kapal, limbungan fabrikasi komponen minyak dan gas serta dermaga untuk fasiliti himpitan kapal.

Sementara itu, Othman yang dihubungi berkata, projek berkenaan akan menjejaskan hasil tangkapan nelayan di negeri melaka.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan negeri dan syarikat pemaju menyediakan ruang perbincangan bagi mewujudkan situasi menang menang antara syarikat itu dengan nelayan.

## 300 nelayan bimbang masa depan

**Alor Gajah:** Nelayan di negeri ini dan Negeri Sembilan merayu nasib mereka diberi perhatian oleh kerajaan dan syarikat pemaju projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion di Kuala Linggi, di sini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB), Mazelan Bakar berkata, 300 nelayan yang memiliki lesen menangkap ikan bimbang terhadap masa depan mereka.

“Projek itu menimbulkan kesan langsung kepada nelayan berikutan pasir laut dikorek untuk ditambah menjadi pulau seluas 620 ekar (248 hektar). Ini akan menganggu habitat ikan

dan hidupan marin lain.

“Kami tidak boleh halang kemajuan kerana ia dilaksanakan untuk pembangunan ekonomi, rakyat dan negara tetapi kami meminta nasib kami diberi perhatian kerajaan dan syarikat pemaju projek,” katanya.

Menurutnya, projek pembangunan di perairan Kuala Linggi bakal memberi kesan terhadap nelayan di perairan Melaka Barat, perairan Melaka Selatan dan Teluk Kemang di Negeri Sembilan yang bersempadan dengan Kuala Linggi.

Beliau menjelaskan, PNKMB amat berbesar hati jika dipanggil kerajaan negeri untuk berbincang bagi mengatasi masalah itu.

Setakat ini, kerajaan negeri dan pemaju belum pernah mengadakan pertemuan membabitkan ketiga-tiga pihak bagi mencari kaedah terbaik memelihara kepentingan nelayan.

Khamis lalu, Mazelan dan Pengerusi Persatuan Nelayan Melaka (PNM), Othman Ahmad serta Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan (PNNS), Abu Bakar Dawam memaklumkan bakal menyerahkan memorandum kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kerajaan Melaka dan Kementerian Pengangkutan serta beberapa pemimpin politik tempatan bagi menyatakan kebimbangan mereka berhubung projek itu.

**NELAYAN** di perairan Melaka Barat meminta nasib mereka diberi perhatian apabila projek KLIP dilaksana tahun depan.



“  
Kami minta nasib  
kami diberi  
perhatian kerajaan  
dan syarikat  
pemaju projek  
Mazelan

# Pantai di Melaka makin mengecil

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
aimyahmad@mediamulla.com.my

**MELAKA:** Beberapa pinggir pantai di negeri ini direkodkan semakin 'mengecil' kesan hakisan antara tiga dan empat meter setiap tahun disebabkan faktor alam semula jadi dan kerancahan aktiviti penambakan laut untuk pembangunan berskala tinggi di negeri ini.

Daratan sepanjang lebih 40 kilometer itu terutama di perairan Melaka Barat paling terjejas dan semakin terhakis kesan badai ombak laut dan muka buminya yang terdedah kepada Selat Melaka.

Fenomena itu mengundang kebimbangan kira-kira 300 nelayan yang menangkap ikan di perairan tersebut apabila jeti dan pondok tempat pendaratan ikan di situ hanya menunggu masa untuk 'lenyap' ditelan laut.

Ketua Pusat Pencerapan Bumi Institut Perubahan Iklim (IPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Sr. Dr. Khairul Nizam Abdul Maulud berkata, hakisan di kawasan berkenaan bermula dalam skala kecil sejak 35 tahun dahulu melibatkan kawasan Tanjung Panchor sehingga merebak ke Tanjung Kling.

Katanya, sejak tahun 2005, pantai di Kampung Hailam, Kampung Portugis, muara Sungai Duyung, Tanjung Ketapang, Kampung Sungai Umbai dan Pantai Siring mula mengalami hakisan yang ketara.

Malah, tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati pantai Kampung Tanjung Dahan, Kampung Tengah dan Kampung Hilir di Kuala Sungai Baru; Pantai

HAKISAN di Pantai Tanjung Dahan, Masjid Tanah, Melaka.



Puteri di Tanjung Kling; Kampung Sungai Kertah di Pengkalan Balak; Kampung Teluk Gong di Kuala Linggi dan Kampung Balik Batu di Tanjung Bidara juga dikesan mengalami hakisan.

Mengulas lanjut, kata Khairul Nizam, kajian pihaknya menggunakan pemantauan imej satelit sejak 15 tahun dahulu mendapati beberapa kawasan mengalami kadar hakisan melebihi tiga meter setahun.

Pantai Melaka jenis berpasir iaitu sifatnya agak lemah untuk menahan ombak terutamanya pada musim tengkujuh.

"Hakisan pantai yang berlaku

termasuk di Melaka melibatkan beberapa faktor seperti perubahan iklim, perubahan aras laut serta keadaan pasir di pantai itu.

"Selain itu, aktiviti penambakan pantai yang mengubah morfologi pantai dan pembinaan benteng berstruktur yang mengubah arus dan kelajuan ombak juga menyumbang kepada hakisan pantai," katanya.

Tambah beliau, proses hakisan pantai juga menyebabkan bertambah kawasan daratan.

"Walaupun ada aktiviti mengadaptasi pantai seperti benteng penahan ombak, benteng konkrit, groin, lapis lindung, struktur

batuan dan kaedah-kaedah lain, ia perlu dilihat secara keseluruhan dan kumulatif.

"Ini kerana kaedah tersebut akan mengubah ciri-ciri ombak dan arus, menyebabkan kesan hakisan berlaku di kawasan lain yang dahulunya mungkin tidak berlaku. Impak hakisan pantai bukan sahaja kepada pengecilan kawasan daratan tetapi turut terkesan kepada ekonomi, penempatan, infrastruktur dan pelancongan," jelasnya.

Justeru, kajian indeks kerentanan pantai perlu dilakukan ke atas keseluruhan pantai bagi melihat daya tahan pantai ter-

## INFO

### HAKISAN

- » Hakisan pantai mengecilkan kawasan darat sehingga 4 meter setahun.
- » Direkod mula terhakis sejak 35 tahun lalu.
- » Pantai di Melaka jenis berpasir yang lemah untuk menahan ombak.
- » Perairan Melaka Barat menghadap Selat Melaka.
- » Dianggarkan pantai sepanjang 40 kilometer mengalami hakisan.
- » Hakisan akibatkan tebing curam 45 ke 90 darjah.

hadap tekanan perubahan iklim dan aktiviti pembangunan.

Pembangunan pinggir pantai dirancang harus mengikut garis panduan dan ketetapan Perurusan Zon Pesisir Pantai Bersepadu, Kajian Hakisan Pantai Kebangsaan dan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu supaya fenomena itu dapat diminimumkan.

"Aktiviti menambak laut perlu dikaji menyeluruh bukan setakat lingkungan lima kilometer, tetapi sehingga ke titik sifar impak dan kajian-kajian secara kumulatif perlu dilaksanakan bagi menentukan impak keseluruhan di negeri itu," katanya.

## Nelayan bimbang kesan hakisan gugat keselamatan

**ALOR GAJAH:** Keadaan tebing pantai tinggi akibat hakisan menyukarkan nelayan pantai Melaka turun laut dan naik ke darat.

Keadaan permukaan curam antara 45 dan 90 darjah itu menyebabkan mereka tidak dapat menolak perahu ke pantai.

Perahu dan stor menempatkan pelbagai kelengkapan di bawah pokok juga perlu diawasi selain bimbang dihepapak pokok tumbang akibat hakisan.

Seorang nelayan, **Mat Zin Leper**, 51, berkata, kejadian yang berlaku bertambah serius.

"Saya sudah lama perasan kawasan pantai di sini semakin hampir dengan pondok dibina nelayan, jika dahulu jaraknya

lebih kurang 20 meter, kini hanya tinggal beberapa meter.

"Setiap kali angin monsun melanda kawasan kami, hakisan semakin teruk. Beberapa pangkalan nelayan di kawasan lain turut berdepan fenomena sama," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Tambah Mat Zin, kejadian itu menjejaskan pendapatan para nelayan yang bergantung penuh kepada hasil tangkapan.

Dia yang mengusahakan kedai makan di pangkalan bagaimanapun lega apabila Jabatan Pengairan dan Saliran membina benteng pemecah ombak.

"Tetapi keadaan ini, dibimbangi memberi kesan kepada

nelayan lain kerana pembinaannya tidak menyeluruh dan tidak cukup panjang, sedangkan impak ombak akan melarat ke kawasan bersebelahan sehingga menjadi teluk," katanya.

Sementara itu, **Jailani Bahari**, 52, dari Kampung Nelayan Kuala Linggi mencadangkan tembok penahan ombak dibina berbentuk 'L' atau 'T' bagi memperlahankan impak.

"Tembok sedia ada berbentuk garis lurus dan tidak cukup lebar, jadi tiupan angin akan membawa ombak ke kawasan bersebelahan tembok yang turut menjejaskan tebing.

"Baru-baru ini, tiang hadapan stor dan pondok nelayan menghadap laut kani patah," katanya.



MAT ZIN LEPER



JAILANI BAHARI